



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



TATACARA PERMOHONAN & PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK DI

KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK KOTA BHARU

KOLEJ

KEDIAMAN

TATACARA PERMOHONAN & PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK DI **KOLEJ KEDIAMAN** POLITEKNIK KOTA BHARU

- Permohonan penggunaan peralatan elektrik di kolej kediaman wajib dibuat melalui **Sistem i-Kamsis (SPMP)**.
- Peralatan tertentu sahaja dibenarkan dibawa ke kolej kediaman. Jenis peralatan tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan semasa di kolej kediaman. Sila rujuk **i-Kamsis > Permohonan Peralatan Elektrik**.
- Setiap peralatan elektrik yang diluluskan perlu mendapatkan stiker dengan **bayaran RM1.00** bagi setiap unit barang elektrik/stiker per semester. Bayaran boleh dibuat di Koperasi PKB.*
- Peralatan elektrik yang didaftarkan hanya boleh digunakan di bilik/tempat yang dikhaskan / dibenarkan sahaja.
- Pihak PKB **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan peralatan elektrik pelajar.
- PKB juga tidak akan bertanggungjawab terhadap kesan penggunaan peralatan tersebut terhadap diri pelajar (cedera, dan sebagainya).
- Pengurusan kolej kediaman berhak **merampas** mana-mana peralatan elektrik yang digunakan oleh pelajar yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
- Barang rampasan boleh **dituntut semula** pada hujung semester. Jika peralatan tersebut tidak dituntut sebelum bermulanya semester baru, pelajar dianggap tidak lagi memerlukan peralatan berkenaan dan PKB berhak ke atas peralatan tersebut sepenuhnya.

**Caj bayaran tertakluk kepada perubahan semasa.*

KOLEJ KEDIAMAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
KOTA BHARU

KESELAMATAN ELEKTRIK DI KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK KOTA BHARU

A. PUNCA KEMALANGAN BERKAITAN ELEKTRIK

- Punca semula jadi
 - Kilat
 - Banjir
 - Gempa Bumi
- Punca daripada peralatan
 - Kerosakan pendawaian
 - Tiada pembumian pada perkakas elektrik
 - Menggunakan peralatan yang tiada label SIRIM atau badan keselamatan yang diiktiraf
- Punca daripada tindakan manusia
 - Tiada pemeriksaan pada peralatan elektrik
 - Kegagalan membaiki peralatan elektrik yang telah rosak
 - Melakukan pengubahsuaian pada peralatan elektrik
 - Gagal mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan pengeluar peralatan

B. KESAN KEMALANGAN BERKAITAN ELEKTRIK

- Renjatan elektrik
- Kekejangan otot
- Kesukaran bernafas
- Penganan
- Otot jantung terhenti
- Tisu badan terbakar
- Kematian
- Kebakaran harta benda

C. RAWATAN KEPADA MANGSA ELEKTRIK

- ✓ Tutup suis utama
- ✓ Beri rawatan kecemasan sebelum bantuan tiba
- ✓ Guna bahan penebat seperti baju atau kayu untuk tarik mangsa daripada kawasan berarus, jangan sentuh secara terus dengan mangsa.
- ✓ Pindah mangsa ke kawasan lapang
- ✓ Hubungi Penolong Pegawai Perubatan PKB atau Felo bertugas dengan segera

D. PENCEGAHAN KEMALANGAN ELEKTRIK

- ✓ Guna peralatan elektrik dan penyambung soket yang disahkan oleh SIRIM
- ✓ Jangan sentuh wayar elektrik atau peralatan elektrik dengan tangan basah
- ✓ Jangan guna wayar elektrik yang penebatnya tertanggal
- ✓ Jangan guna palam elektrik yang telah retak atau pecah
- ✓ Elakkan guna alat elektrik semasa berlakunya guruh atau kilat
- ✓ Jangan baiki sendiri alat elektrik atau litar elektrik yang rosak
- ✓ Jangan cucuk sebarang bahan ke dalam lubang soket
- ✓ Jangan sambungkan palam elektrik terlalu banyak pada punca kuasa yang sama
- ✓ Jangan guna lubang soket yang telah ditutup/rosak.

CARTA ALIR PERMOHONAN MEMBAWA PERALATAN ELEKTRIK

